

**Sekolah Harian Pun Boleh Cemerlang: Muhyiddin
Bernama
24 November , 2011**

BANDAR BAHARU (KEDAH), 24 Nov (Bernama) -- Kerajaan kini lebih menumpukan kepada usaha meningkatkan keupayaan sekolah harian berbanding membina lebih banyak sekolah berasrama penuh, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata pembinaan sekolah berasrama penuh melibatkan kos yang besar kerana perlu disediakan asrama dan kemudahan lengkap sedangkan sekolah harian, walaupun tanpa kemudahan asrama, masih boleh ditingkatkan pencapaiannya.

Muhyiddin, yang juga Menteri Pelajaran, berkata banyak sekolah yang dikategorikan sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi adalah dalam kalangan bukan sekolah berasrama penuh.

"Dasar Kementerian Pelajaran nak jadikan semua sekolah harian cemerlang," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Jamuan Rakyat 1Malaysia di Dataran Serdang di sini Khamis.

Hadir sama Pengerusi Barisan Nasional Kedah Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir yang juga Timbalan Pengerusi BN Kedah, dan Penyelaras Parlimen Kulim/Bandar Baharu Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir.

Muhyiddin berkata kini pembinaan sekolah berasrama penuh dilihat daripada aspek menyediakan keperluan untuk pelajar-pelajar dari keluarga miskin yang tinggal di kawasan yang jauh dari sekolah.

"Kalau kita bina sekolah berasrama penuh pun tak banyak...dua atau tiga buah setahun. Kita lebih nak galakkan pergi sekolah sedia ada. Sekolah-sekolah harian pun catat keputusan yang cemerlang. Itu pendekatan yang saya ambil," katanya.

Katanya ramai beranggapan sekolah berasrama penuh adalah sekolah elit sedangkan banyak sekolah boleh menjadi sekolah elit dan banyak sekolah boleh ditingkatkan untuk menjadi sekolah terpilih.

Dalam ucapannya pada majlis itu, Muhyiddin berkata beliau akan meminta Menteri Kesihatan Datuk Seri Liow Tiong Lai untuk melihat dengan serius kepada keperluan membina sebuah hospital di daerah Bandar Baharu.

"Saya akan minta Datuk Liow supaya ambil berat perkara ini supaya boleh dimasukkan dalam Rolling Plan Rancangan Malaysia Ke-10. Beliau akan melihat peruntukan yang sesuai untuk penduduk yang ramai," katanya.

Masalah ketiadaan hospital di Bandar Baharu menjadi masalah besar kepada orang ramai di Bandar Baharu kerana ramai anak-anak penduduk di daerah ini dilahirkan di hospital di Parit Buntar.

Ini menyebabkan mereka hilang keistimewaan sebagai "anak Kedah" walaupun menetap

dan bersekolah di Kedah.

Sultan Kedah Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah baru-baru ini turut melahirkan rasa dukacita baginda berikutan ketiadaan hospital di daerah Bandar Baharu.

Muhyiddin turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM5 juta untuk membina masjid baru bagi daerah Bandar Baharu berikutan tapak untuk masjid itu telah disediakan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=629526>